

Meneroka Pengalaman Cubaan Membunuh Diri dalam Kalangan Banduan Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di Penjara Malaysia (*Exploring the Experience of Suicide Attempts Among Prisoners on Counselling Services in Malaysian Prison*)

Lokmanul Hakim Hamid*, Nasrudin Subhi dan Mohammad Rahim Kamaluddin

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: [*imandd81@gmail.com](mailto:imandd81@gmail.com)

Diserah: 05 Januari 2026 / Diterima: 29 Mei 2026

Abstrak: Fenomena cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan merupakan isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan di institusi penjara Malaysia. Meskipun perkhidmatan kaunseling disediakan, masih terdapat kekangan dalam memahami bagaimana banduan menilai dan mengalami proses kaunseling tersebut. Kajian terdahulu banyak dilakukan di negara barat dengan meneliti faktor yang mendorong cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan. Namun, kajian mengenai pengalaman banduan yang cuba membunuh diri terhadap perkhidmatan kaunseling di penjara masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi deskriptif bagi meneroka pengalaman tersebut. Data dikumpul melalui temu bual secara mendalam dengan menggunakan persempelan bertujuan yang melibatkan 27 orang banduan yang pernah cuba membunuh diri, terdiri daripada 16 orang banduan lelaki dan 11 orang banduan wanita. Naratif temu bual kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan Atlas.ti 25 dalam mengenal pasti tema kajian. Hasil analisis telah mengenal pasti tiga tema iaitu (1) kepentingan perkhidmatan kaunseling, (2) perkhidmatan kaunseling yang terhad dan, (3) stigma banduan terhadap kaunselor. Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa kaunseling berperanan penting dalam membantu banduan membina semula harapan, mengawal tekanan mental, dan mengurangkan kecenderungan bunuh diri. Namun demikian, perkhidmatan ini juga tidak lari daripada isu akses yang terhad dan stigma dalam kalangan banduan. Kajian ini juga menuntut keperluan memperkukuh peranan kaunselor di penjara melalui latihan khusus dalam intervensi krisis dan trauma. Dapatan ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan program dan modul pemulihan penjara yang lebih menyeluruh, mesra dan memberi kesan positif dalam kalangan banduan di penjara Malaysia.

Kata kunci Banduan; cubaan bunuh diri; perkhidmatan kaunseling; kualitatif fenomenologi; kesihatan mental.

Abstract: *Suicide attempts among prisoners have become an increasingly concerning mental health issue within Malaysian correctional institutions. Although counselling services are available, limited attention has been given to understanding how prisoners perceive and experience these services. Previous studies have largely focused on the factors contributing to suicide attempts among prisoners, particularly in western contexts. However, research examining the experiences of prisoners who have attempted suicide in relation to counselling services remains limited, especially in Malaysia. Therefore, this study employed a qualitative approach using a descriptive phenomenological design to explore these experiences. Data were collected through in-depth interviews with 27 prisoners who had previously attempted suicide, comprising 16 male and 11 female participants, selected through purposive sampling. Interview narratives were analysed thematically using Atlas.ti 25 to identify key themes. The analysis revealed three major themes: (1) the importance of counselling services, (2) limitations of counselling services, and (3) prisoners stigma toward counsellors. The findings indicate that counselling plays a significant role in helping prisoners rebuild hope, manage*

psychological distress, and reduce suicidal tendencies. Nevertheless, the effectiveness of these services is constrained by limited accessibility and persistent stigma among prisoners. The study highlights the need to strengthen the role of prison counsellors through specialized training in crisis intervention and trauma informed care. These findings may contribute to the enhancement of prison rehabilitation programs and counselling services that are more comprehensive, accessible, and responsive to the needs of prisoners in Malaysia.

Keywords Prisoners; suicide attempts; counselling services; qualitative phenomenology; mental health.

Pengenalan

Fenomena bunuh diri dalam penjara merupakan salah satu masalah kesihatan awam yang serius di peringkat global. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bunuh diri merupakan penyebab utama kematian dalam kalangan populasi yang terpinggir, termasuk individu yang sedang menjalani hukuman penjara (WHO 2023). Persekitaran penjara yang penuh tekanan, terasing dan dikawal ketat menjadi punca kepada isu tekanan mental, kemurungan, serta pemikiran untuk menamatkan nyawa sendiri (Pérez Sales, 2026). Kajian terdahulu oleh Vanhaesebrouck et al. (2026) menunjukkan bahawa kadar bunuh diri dalam kalangan banduan adalah 3 hingga 10 kali ganda lebih tinggi berbanding populasi umum, menjadikannya isu yang perlu ditangani melalui pendekatan kesihatan mental yang komprehensif.

Dalam konteks Malaysia, maklumat berkaitan kes bunuh diri dan cubaan bunuh diri di dalam penjara adalah amat sukar diperolehi atas faktor keselamatan institusi. Namun demikian melalui kajian Khamis et al. (2022), banduan yang menjalani hukuman di penjara berhadapan dengan pelbagai risiko, tekanan emosi, konflik peribadi, dan rasa putus asa akibat hukuman panjang. Walaupun angka rasmi yang terperinci berkaitan cubaan bunuh diri di penjara adalah terhad dan sukar diperolehi secara terbuka, fenomena ini perlu dipandang serius agar kejadian membunuh diri dalam kalangan banduan yang sedang menjalani hukuman dapat dibendung.

Kesan psikologi akibat kehidupan di penjara memberi kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap seseorang banduan. Kajian oleh Kazemi et al. (2025) mendapati banduan yang berdepan trauma, kehilangan hubungan sosial dan stigma lebih cenderung mengalami kemurungan, rasa tidak bermakna serta tingkah laku mencederakan diri. Dalam konteks penjara Malaysia, tekanan akibat pengasingan, hukuman berat, dan kekurangan sokongan emosi menyebabkan sebahagian banduan mengalami simptom gangguan mental yang memerlukan bantuan profesional segera (Hamid et al., 2025). Oleh itu, perkhidmatan kaunseling di institusi penjara berperanan penting sebagai ruang terapeutik untuk membantu banduan dalam proses menyesuaikan diri, menstruktur semula emosi negatif, serta membina semula harapan hidup. Perkhidmatan kaunseling di institusi penjara turut dikenal pasti sebagai salah satu pendekatan penting dalam membantu proses pemulihan serta kesejahteraan psikologi banduan di institusi penjara (Tim & Shey, 2025). Perkara ini juga turut dijelaskan melalui kajian Suhaeb dan Ernawati (2025), bahawa perkhidmatan kaunseling ini bukan sekadar bersifat pemulihan, tetapi juga sebagai langkah pencegahan terhadap risiko kejadian bunuh diri dan tingkah laku berbahaya seperti cubaan membunuh diri dan mencederakan diri dalam kalangan banduan penjara.

Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan tempatan berkaitan pengalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling. Kebanyakan kajian di Malaysia lebih berfokus pada aspek program pemulihan, keberkesanan intervensi umum, atau faktor sosial dan psikologi yang mendorong tingkah laku bunuh diri, serta pelaksanaan strategi pencegahan bunuh diri turut memerlukan pendekatan yang mempertimbangkan faktor ekologi manusia termasuk pengaruh persekitaran sosial dan institusi. (Hussin et al., 2024). Kajian yang meneliti bagaimana banduan yang pernah cuba membunuh diri mengalami, memahami, dan menilai proses kaunseling itu sendiri masih terhad. Jurang empirikal ini penting kerana pemahaman terhadap pengalaman sebenar klien dapat membantu memperbaiki pendekatan kaunseling, membina kepercayaan, serta memperkukuh strategi pencegahan bunuh diri dalam sistem pemulihan di Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan bagi memahami dengan lebih mendalam pengalaman subjektif banduan yang pernah cuba membunuh diri terhadap perkhidmatan kaunseling yang disediakan di institusi penjara Malaysia. Fokus utama kajian ini ialah menelusuri bagaimana banduan mengalami proses kaunseling, menilai makna perubahan yang berlaku dalam diri mereka serta memahami kesan psikologi yang timbul selepas menjalani intervensi tersebut. Melalui pendekatan fenomenologi deskriptif, kajian ini bertujuan untuk menggambarkan pengalaman sebenar peserta tanpa sebarang andaian teori atau penilaian awal, sebaliknya memberi ruang kepada suara dan naratif peribadi mereka untuk diketengahkan. Kajian ini berusaha menjawab persoalan utama tentang bagaimana banduan menilai perkhidmatan kaunseling yang mereka terima, apakah makna yang mereka kaitkan dengan proses terapeutik tersebut, serta bagaimana intervensi kaunseling membantu mereka membentuk semula harapan dan kesejahteraan psikologi selepas melalui episod cubaan bunuh diri. Penerokaan ini dijangka dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang kaunseling di institusi penjara, bukan sahaja dalam memperkukuh pemahaman teori mengenai proses pemulihan psikososial banduan tetapi juga dalam memperbaiki amalan kaunseling berasaskan konteks institusi tertutup. Hasil daripada dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan asas kepada pembangunan dasar dan latihan kaunselor di penjara yang lebih peka terhadap isu trauma, tekanan emosi dan risiko bunuh diri, sekali gus menyokong usaha membentuk sistem pemulihan banduan yang lebih holistik di Malaysia.

Isu Bunuh Diri Dalam Penjara serta Peranan Perkhidmatan Kaunseling

Tinjauan ini merangkumi kajian antarabangsa, serantau dan tempatan bagi menjelaskan corak masalah, jurang pengetahuan dan kerangka teori yang menyokong penyelidikan ini. Dengan menelusuri pendekatan fenomenologi, sorotan ini bertujuan memperlihatkan kepentingan memahami pengalaman subjektif banduan yang berdepan tekanan emosi dan cuba membunuh diri.

Bunuh diri di penjara diiktiraf sebagai masalah kesihatan awam yang kritikal di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2023 melaporkan bahawa kadar bunuh diri dalam kalangan tahanan adalah antara tiga hingga sepuluh kali ganda lebih tinggi berbanding populasi umum (WHO, 2023). Penyelidikan yang dijalankan oleh Escobedo dan Wood (2025) menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi kadar ini termasuk kesunyian, pengasingan sosial dan kekurangan sokongan psikologi dan perasaan tidak dimiliki atau terasing daripada orang lain turut meningkatkan risiko individu terhadap cubaan bunuh diri dalam konteks banduan di penjara. Keadaan institusi tertutup yang membataskan kebebasan menjadikan tekanan emosi sukar dikawal tanpa intervensi profesional.

Kajian yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa turut menegaskan bahawa faktor psikologi dalaman memainkan peranan besar dalam menjelaskan mengapa sesetengah banduan memilih untuk mencederakan diri. Dhlamini et al. (2025) mendapati bahawa kemurungan, rasa tidak berdaya dan kehilangan makna hidup sering mencetuskan keinginan menamatkan nyawa. Apabila digabungkan dengan tekanan hidup di penjara, faktor ini menghasilkan situasi emosi yang kronik dan berisiko tinggi. Tanpa bimbingan atau perkhidmatan kaunseling, krisis emosi tersebut boleh berkembang menjadi tindakan bunuh diri sebenar dalam kalangan banduan di penjara (Sharma et al., 2025).

Hubungan sosial dan sokongan emosi juga merupakan faktor penting dalam menentukan kesejahteraan mental banduan. Kajian Schliehe et al. (2022) mendapati bahawa individu yang kehilangan hubungan dengan keluarga atau menghadapi pengasingan berpanjangan mudah terdedah kepada perasaan tidak bernilai. Dalam konteks ini, kaunseling berperanan membantu banduan membina semula identiti sosial dan menanam semula keinginan untuk hidup (Ababiel et al., 2025). Pendekatan yang berasaskan empati dan penerimaan tanpa syarat menjadikan proses terapeutik lebih bermakna bagi banduan yang mengalami kesepian mendalam (Udele et al., 2025).

Kajian di negara Asia memperlihatkan peningkatan kes gangguan mental dan cubaan bunuh diri dalam kalangan tahanan. Penyelidikan oleh Zhang et al. (2025) di China menunjukkan bahawa kekurangan kaunselor terlatih dan stigma terhadap masalah mental sering menjadi penghalang dalam membuat pengesanan lebih awal berkaitan dengan tingkah laku ini. Sementara itu, Geng et al. (2025) di Jepun mendapati bahawa sesi terapi kumpulan dan sokongan psikologi mampu menurunkan tahap kemurungan dengan ketara. Dapatan ini mengesahkan keperluan memperkukuh pendekatan psikososial di institusi penjara Asia.

Kajian serantau di Asia Tenggara turut menunjukkan pola yang sama. Juliana (2025) mendapati bahawa di Indonesia, stigma terhadap bantuan psikologi masih tinggi, menyebabkan ramai banduan menolak untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Persepsi negatif ini sering dikaitkan dengan anggapan bahawa mencari bantuan menunjukkan kelemahan peribadi. Dalam keadaan tersebut, keberkesanan intervensi bergantung pada keupayaan kaunselor membina kepercayaan serta mewujudkan suasana yang selamat bagi peserta berkongsi pengalaman mereka.

Dalam konteks Malaysia, isu ini masih kurang mendapat perhatian terutamanya dalam menjalankan kajian yang melibatkan populasi banduan yang cuba membunuh diri di penjara Malaysia. Walaupun perkhidmatan kaunseling telah diperkenalkan secara meluas, masih kurang kajian yang mendalami bagaimana banduan sebenar mengalami dan menilai proses tersebut dalam kehidupan seharian mereka di penjara. Perkhidmatan kaunseling penjara di Malaysia dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pemulihan psikososial yang menekankan perubahan nilai, kawalan diri dan pembangunan potensi individu. Menurut Mohamad et al. (2025), perkhidmatan kaunseling di institusi tertutup membantu banduan mengatasi trauma, menstruktur semula pemikiran negatif dan membina semula penghargaan sendiri serta dapat membantu banduan apabila tamat menjalani hukuman di penjara kelak. Namun, tahap keberkesanan intervensi sangat bergantung pada hubungan terapeutik, sikap terbuka klien serta persekitaran yang menyokong proses pemulihan (Mahadhini & Jaro'ah, 2025).

Teori Interpersonal Bunuh Diri

Pendekatan teori yang mendasari kajian ini berteraskan teori interpersonal bunuh diri yang diperkenalkan oleh Thomas Joiner serta model motivasi volisional yang dikembangkan oleh Rory O'Connor. Teori interpersonal bunuh diri menjelaskan bahawa pemikiran bunuh diri terbentuk apabila individu mengalami dua keadaan psikologi utama iaitu perasaan terasing daripada orang lain dan persepsi bahawa diri mereka menjadi beban kepada orang sekeliling (Joiner, 2005). Dalam konteks kehidupan di penjara, kedua-dua pengalaman ini boleh muncul akibat kehilangan hubungan sosial, keterbatasan interaksi dengan keluarga serta rasa bersalah terhadap kesan tindakan mereka kepada orang terdekat. Keadaan tersebut seterusnya boleh meningkatkan kerentanan emosi dalam kalangan banduan yang berhadapan dengan tekanan psikologi sepanjang tempoh pemenjaraan.

Selain itu, model motivasi volisional menghuraikan proses bagaimana tekanan psikologi dan pengalaman negatif seperti rasa gagal, terperangkap serta putus asa boleh berkembang menjadi niat bunuh diri sebelum akhirnya membawa kepada tindakan bunuh diri sebenar (O'Connor & Kirtley, 2018). Model ini memberi penjelasan yang lebih komprehensif mengenai peralihan daripada pemikiran bunuh diri kepada tindakan, dengan mengambil kira pengaruh faktor situasi dan keupayaan individu untuk melaksanakan tindakan tersebut. Oleh itu, gabungan kedua-dua kerangka teori ini memberikan asas konseptual yang kukuh untuk memahami pengalaman emosi banduan yang pernah melalui krisis bunuh diri serta bagaimana mereka menafsir pengalaman tersebut dalam konteks kehidupan di institusi penjara.

Oleh demikian, dalam konteks penjara, hubungan terapeutik melalui sesi kaunseling memberi peluang dan ruang kepada banduan untuk merasai penerimaan, tanpa dihukum terlebih awal seterusnya membina semula harga diri dan harapan hidup banduan. Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai punca kepada peningkatan kadar bunuh diri dalam penjara, kajian yang meneliti pengalaman dalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling masih amat terhad di Malaysia. Kajian ini diharap dapat mengisi jurang tersebut dengan meneroka makna sebenar proses kaunseling daripada perspektif banduan di penjara Malaysia, seterusnya memberi implikasi penting terhadap amalan kaunseling, dasar pemulihan serta kesejahteraan psikologi penghuni penjara di negara ini.

Metodologi

Pemilihan reka bentuk fenomenologi deskriptif dalam kajian ini adalah berasaskan keperluan untuk menyingkap makna mendalam yang dialami oleh individu daripada perspektif mereka sendiri. Pendekatan fenomenologi membolehkan pengkaji memahami pengalaman hidup yang kompleks tanpa dipengaruhi oleh andaian teori awal (Giorgi, 2017). Kaedah ini sesuai digunakan dalam konteks penjara kerana ia memberi

ruang kepada suara peserta yang sering terpinggir untuk didengari, dalam memahami fenomena sebenar yang berlaku dalam kalangan banduan. Reka bentuk ini juga membantu menjelaskan bagaimana banduan membentuk makna terhadap kaunseling yang diterima, termasuk aspek hubungan terapeutik, penerimaan emosi, dan transformasi sendiri selepas intervensi. Reka bentuk ini juga turut memberi fokus kepada intipati fenomena atau struktur pengalaman hidup peserta kajian (Finlay, 2011). Pengkaji perlu mengamalkan sikap kurungan (bracketing) atau *Epoché* (Laverly, 2003). *Bracketing* merujuk kepada sikap menyetepikan pengetahuan, persepsi, idea, dan tafsiran penyelidik, serta penerapan kajian teori dan kesusasteraan untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang dikaji (Giorgi et al., 2017; Laverly, 2003; Lopez & Willis, 2004). Metod kajian ini juga adalah penting dalam fenomenologi deskriptif bagi mengekalkan integriti penemuan dalam menganalisis data temu bual serta mencerminkan pengalaman hidup peserta kajian (Lopez & Willis, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan pematuhan kepada prinsip kurungan sepanjang proses analisis data kajian selaras dengan pendekatan fenomenologi deskriptif.

Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada banduan yang memenuhi kriteria inklusif bagi memastikan kesesuaian terhadap data temu bual yang diperolehi. Kriteria pemilihan peserta kajian adalah; (1) banduan yang pernah cuba membunuh diri di penjara; (2) sedang menjalani hukuman di dalam penjara di Malaysia; dan (3) warganegara Malaysia

Pemilihan peserta dilakukan secara pensampelan bertujuan, di mana banduan yang pernah cuba membunuh diri semasa menjalani hukuman di penjara dianggap mampu memberikan maklumat yang relevan dan signifikan untuk tujuan kajian. Seramai 27 orang banduan yang berumur 24 hingga 54 tahun, terdiri daripada 16 orang banduan lelaki dan 11 orang banduan wanita dari pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India telah terlibat di dalam kajian ini. Berkaitan latar belakang pendidikan peserta kajian pula, seramai 3 orang peserta memiliki tahap pendidikan di peringkat Diploma dan 20 orang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 4 orang lagi hanya menamatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah. Jadual 1 yang disediakan menjelaskan tentang taburan peserta kajian mengikut institusi penjara dan juga bangsa.

Jadual 1. Ringkasan maklumat demografi peserta kajian

Institusi Penjara	Bangsa		
	Melayu	India	Cina
Penjara Kajang, Selangor	4	2	-
Penjara Sungai Buloh, Selangor	4	-	-
Penjara Wanita Kajang, Selangor	6	2	1
Penjara Bentong, Pahang	1	-	-
Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang	1	-	1
Penjara Simpang Renggam, Johor	3	1	-
Penjara Kluang, Johor	-	-	1

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui sesi temu bual dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang mendalam serta memberi kebebasan kepada peserta kajian ini untuk berkongsi pengalaman mereka secara terbuka. Temu bual separa berstruktur digunakan secara meluas dalam penyelidikan fenomenologi (Langdride, 2007) kerana kemampuan dalam mengumpulkan maklumat, perspektif, dan makna dalam pengalaman hidup yang tidak boleh direplikasi (Merriam, 2009). Sebelum temu bual dilaksanakan, protokol temu bual telah direka dengan sewajarnya untuk memenuhi objektif kajian. Temu bual separa berstruktur ini mengandungi beberapa soalan panduan untuk memastikan isu utama dapat dibincangkan, dalam masa yang sama memberi ruang kepada peserta untuk memperincikan perasaan, pemikiran, dan persepsi mereka. Pendekatan ini sesuai dengan kajian fenomenologi, di mana fokusnya adalah untuk mendalami pengalaman hidup dan perspektif individu tanpa sebarang kekangan. Semasa sesi temu bual, pengkaji turut mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengamalkan kurungan sikap,

bagi memastikan pengalaman hidup peserta kajian diperoleh. Temu bual telah dijalankan secara bersemuka dalam persekitaran penjara yang selamat dan terkawal dengan menggunakan bahasa Melayu.

Analisis Data

Rakaman temu bual bersama peserta kajian telah dijadikan transkrip verbatim bagi memudahkan analisis dijalankan. Selanjutnya transkrip verbatim telah dianalisis menggunakan analisis tematik dengan menggunakan aplikasi perisian Atlas.ti 25 bagi memastikan ketepatan pengurusan data serta kejelasan dalam pembentukan tema. Pengkaji memberi fokus untuk mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada naratif pengalaman banduan yang pernah cuba membunuh diri dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling di penjara. Pengkaji juga sentiasa memastikan prinsip kurungan dengan tidak mengenakan pengetahuan, tafsiran, asas teori atau pengalaman mereka dalam proses analisis.

Hasil daripada analisis tematik yang dijalankan, pengkaji telah memperoleh tiga tema bermakna bagi kertas kajian ini iaitu: (1) kepentingan perkhidmatan kaunseling, (2) perkhidmatan kaunseling yang terhad dan (3) stigma banduan terhadap kaunselor. Huraian terhadap tema dijelaskan pada bahagian hasil kajian di dalam kertas kerja ini. Kajian ini juga menjelaskan pengalaman banduan yang cuba membunuh diri terhadap perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh institusi penjara di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada literatur tempatan khususnya dan menjadi landasan bagi pengkaji masa hadapan.

Etika Kajian

Penglibatan subjek manusia yang terdiri daripada populasi banduan dalam kajian ini memerlukan pengkaji menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan pertimbangan etika sebagai perkara penting. Kestabilan emosi peserta kajian juga dipertimbangkan semasa memilih peserta yang sesuai dan menjalankan temu bual kajian. Pengkaji juga menyedari sepenuhnya hak peserta kajian yang perlu dihormati sepanjang sesi temu bual berlangsung. Persetujuan dan kerahsiaan peserta dijamin, selepas persetujuan lisan dan bertulis melalui borang persetujuan termaklum daripada peserta kajian diperoleh.

Butiran dalam borang persetujuan termaklum seperti rakaman sesi temu bual, penggunaan data temu bual dalam analisis dokumen bagi tujuan penerbitan artikel turut dijelaskan. Peserta kajian juga mempunyai hak untuk menolak bagi menjawab soalan atau menarik diri sebagai peserta kajian pada bila-bila masa semasa temu bual berlangsung. Penggunaan nama samaran untuk menyembunyikan identiti sebenar peserta kajian, turut dijelaskan kepada setiap peserta sebelum sesi temu bual berlangsung.

Semasa sesi tersebut, peserta diberi kebebasan untuk berbincang secara terbuka pengalaman mereka, dan menyatakan emosi dan kebimbangan mereka tanpa ragu-ragu, tanpa dihakimi oleh pengkaji. Pengkaji juga membenarkan para peserta menenangkan perasaan mereka apabila mereka berkongsi pengalaman yang beremosi. Pada akhir temu bual, pengkaji juga memberi peluang kepada peserta untuk menyatakan perkara yang ingin dikongsi dan dijelaskan kepada pengkaji. Pengkaji juga mendapati, tidak terdapat peserta yang menunjukkan tanda-tanda emosi yang tidak stabil selepas semua sesi temu bual berlangsung.

Setiap sesi temu bual direkodkan menggunakan perakam suara telah mendapat kebenaran peserta kajian serta kebenaran khas daripada Jabatan Penjara Malaysia melalui surat kebenaran PRIDE.BDK.Rd.500.8/9/1 Jld.74 (45). Rakaman suara ini penting, untuk membolehkan analisis data temu bual dijalankan dengan teliti tanpa tertinggal maklumat penting yang dikongsi oleh peserta yang terlibat di dalam kajian ini. Pengkaji juga telah memperoleh kelulusan etika penyelidikan daripada Bahagian Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjalankan kajian ini, merujuk kepada surat kelulusan JEP-2024-449 serta mendapat kebenaran daripada Jabatan Penjara Malaysia melalui surat kebenaran PRIDE.BDK.Rd.500.8/9/1 Jld.73 (21).

Hasil Kajian

Bahagian ini akan menjelaskan hasil melalui analisis tematik yang dijalankan meliputi kepentingan perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan kaunseling yang terhad dan, dan stigma banduan terhadap kaunselor.

Kepentingan Perkhidmatan Kaunseling

Melalui analisis tematik yang dijalankan, tema pertama ini akan menjelaskan berkaitan dengan kepentingan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan banduan yang pernah melakukan tindakan cubaan bunuh diri. Syahmi melalui pengalaman beliau yang telah menjalani sesi kaunseling bersama kaunselor di institusi penjaranya menjelaskan melalui sesi kaunseling yang dijalani telah dapat membantu beliau untuk terus berfikir positif dan memberi ketenangan apabila mengalami kecelaruan fikiran;

“Macam sekarang [setelah didapati melakukan cubaan bunuh diri], saya dirujuk kepada kaunselor, saya berkongsi masalah saya jadi benda [masalah] itu boleh ringankan masalah saya, saya rasa kurang beban”.

Perkara yang sama juga turut dikongsikan oleh Nathan di mana, melalui sesi kaunseling yang diperoleh, beliau kembali berasa lebih tenang dan dapat berfikir dengan lebih positif;

“Dapat tenang juga, selesai juga masalah dekat diorang [kaunselor] juga kan, diorang [kaunselor] bagi yang baik, saya ambil la terima diorang [kaunselor] punya *step* [cadangan] macam mana saya ambil la. kalau saya tak tahu apa yang betul saya baru tahu macam mana mahu keluar kan”.

Berdasarkan perkongsian Syahmi dan Nathan ini menjelaskan peranan kaunseling sebagai platform untuk mendapatkan bantuan psikososial di penjara. Melalui sesi kaunseling yang bersifat terapeutik dan pendekatan yang digunakan oleh kaunselor yang bertugas di institusi penjara dapat memberi ketenangan dan mengembalikan pola pemikiran yang lebih positif dalam kalangan banduan yang bergelut dengan kecelaruan fikiran sehingga bertindak melakukan cubaan bunuh diri semasa menjalani hukuman di penjara.

Perkhidmatan Kaunseling Yang Terhad

Tema seterusnya menjelaskan tentang perkhidmatan kaunseling di penjara adalah terhad. Perkara ini dikongsikan oleh Surent yang menjelaskan bahawa akses kepada perkhidmatan kaunseling di penjara tidak sentiasa tersedia kepada semua banduan yang memerlukannya. Surent menjelaskan bahawa peluang untuk menghadiri sesi kaunseling sering bergantung kepada proses pemanggilan nombor banduan oleh pihak institusi. Dalam keadaan ini, banduan mempunyai kawalan terhadap masa dan peluang untuk bertemu dengan kaunselor. Situasi ini digambarkan dengan jelas melalui kenyataan beliau;

“Macam mana mau [mahu] kaunseling, nombor [nombor badan banduan] pun tak naik, macam mana mau pergi”.

Kenyataan tersebut menggambarkan bahawa keinginan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling tidak semestinya menjamin bahawa perkhidmatan tersebut dapat diakses dengan segera. Keterbatasan dari segi prosedur pemanggilan dan sistem giliran secara tidak langsung mewujudkan halangan kepada banduan yang memerlukan sokongan emosi dan psikologi. Hal ini memperlihatkan bahawa perkhidmatan kaunseling yang disediakan tidak sentiasa mampu memenuhi keperluan semua banduan secara tepat pada masanya.

Pengalaman yang hampir serupa turut dikongsikan oleh Anthony yang menyatakan bahawa peluang untuk berinteraksi dengan kaunselor adalah terhad kerana kesibukan pegawai di institusi penjara khususnya kaunselor. Anthony menjelaskan bahawa beliau tidak banyak berkongsi masalah dengan kaunselor kerana sukar untuk mendapatkan masa bertemu secara konsisten. Keadaan ini dapat dilihat melalui kenyataan beliau;

“Saya tak ada cerita banyak, saya tak ada fikir la. Tak boleh cerita banyak la dengan kaunselor, kaunselor juga *busy*, susah juga mau [ingin] jumpa”.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa keterbatasan masa dan jumlah kaunselor boleh menjejaskan kekerapan serta kualiti interaksi antara banduan dan kaunselor. Dalam konteks ini, hubungan terapeutik yang sepatutnya menjadi ruang selamat untuk meluahkan tekanan emosi tidak dapat berkembang sepenuhnya kerana pertemuan yang terhad. Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada pengalaman banduan yang

merasakan bahawa perkhidmatan kaunseling yang disediakan masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan sokongan psikologi mereka.

Secara keseluruhannya, kedua-dua kenyataan yang dikongsikan oleh peserta kajian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling di penjara masih terhad dari segi akses dan ketersediaan masa bersama kaunselor. Keadaan ini menggambarkan bahawa walaupun perkhidmatan tersebut wujud, keterbatasan sistem dan sumber manusia boleh menghalang banduan daripada mendapatkan sokongan psikologi secara konsisten.

Stigma Banduan Terhadap Kaunselor

Bagi tema terakhir ini, terdapat juga peserta kajian yang menyatakan pengalaman yang berkaitan dengan stigma banduan terhadap kaunselor di institusi penjara. Perkara ini telah dijelaskan oleh Nora melalui verbatimnya;

“Macam saya ini rasa macam ada *judge mental* sikit la dengan kaunselor...Kaunseling semua ini kan, dia macam kita cerita tapi tak ada apa-apa pun yang terjadi dekat hidup kita, masih macam itu juga, macam cuba bayangkan kalau orang itu susah nak *share*, *share* tentang diri dia dekat orang yang macam kaunselor kan, ok susah nak *share* dekat orang yang *stranger*, so bila orang itu *share*, patutnya mesti orang itu akan dapat *something* la kan sebab orang itu susah nak *share* tapi *nothing* [tidak memperoleh apa-apa]”.

Pengalaman Nora dapat menjelaskan masih terdapat stigma dan perlaksanaan yang terhad dan tidak menyeluruh dalam perkhidmatan kaunseling di penjara. Perkara ini juga menjadi faktor risiko kepada banduan untuk mencederakan diri sehingga melakukan cubaan membunuh diri akibat tidak dapat menyalurkan tekanan emosi dengan sebaiknya.

Kenyataan yang dikongsikan oleh Mohana pula menunjukkan bahawa wujud persepsi negatif terhadap keberkesanan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan banduan. Mohana menyatakan bahawa perasaan sedih dan kesukaran yang dialaminya dianggap sebagai sesuatu yang akan terus berulang walaupun selepas beliau dibebaskan daripada penjara. Persepsi ini dapat dilihat melalui kenyataan beliau;

“*I* rasa macam bila saya balik bila saya sedih pun benda yang sama. Bila saya balik nanti benda yang sama juga, tak guna saya *share* dengan sesiapa pun pasal [mengenai] benda ini, macam itu *i* rasa.”

Kenyataan tersebut menggambarkan satu bentuk kepercayaan bahawa berkongsi masalah dengan orang lain tidak akan membawa sebarang perubahan terhadap keadaan yang dihadapi. Dalam konteks ini, perasaan pesimis terhadap kemungkinan perubahan menjadikan individu kurang terdorong untuk mendapatkan bantuan daripada kaunselor. Bantuan profesional seperti kaunseling dilihat sebagai sesuatu yang tidak relevan dengan pengalaman hidup beliau. Persepsi sebegini boleh terbentuk hasil pengalaman lalu, kepercayaan peribadi atau tanggapan bahawa masalah kehidupan yang dihadapi tidak dapat diselesaikan melalui perbualan atau nasihat. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan jarak psikologi antara banduan dan perkhidmatan kaunseling yang disediakan di institusi penjara. Apabila stigma ini wujud, banduan cenderung untuk memendam emosi serta mengurus tekanan secara bersendirian tanpa memanfaatkan ruang bantuan yang disediakan.

Oleh yang demikian, kenyataan yang dikongsikan oleh Nora dan Mohana di dalam kajian ini menunjukkan bahawa stigma terhadap kaunselor boleh muncul dalam bentuk kepercayaan bahawa berkongsi masalah tidak memberikan sebarang manfaat kepada keadaan yang dihadapi. Persepsi ini menyebabkan sebahagian banduan kurang terdorong untuk mendapatkan bantuan psikologi walaupun perkhidmatan kaunseling tersedia di penjara.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling di penjara adalah kompleks dan mencerminkan interaksi antara faktor psikologi, sosial dan institusi. Kaunseling dilihat sebagai ruang selamat yang membantu mereka menstruktur semula pemikiran dan emosi selepas melalui

episod cubaan bunuh diri dan dapat membantu banduan membina keupayaan dalam menyesuaikan diri serta meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka (Rahman & Equatora, 2025). Penemuan ini konsisten dengan pandangan Scott (2025) bahawa proses terapeutik yang berasaskan empati dan penerimaan berupaya mengurangkan tekanan psikologi serta meningkatkan kefungsi sendiri klien.

Tema pertama yang muncul daripada dapatan kajian ini ialah kepentingan perkhidmatan kaunseling dalam membantu banduan menghadapi tekanan psikologi semasa menjalani hukuman. Tema ini menjelaskan bahawa perkhidmatan kaunseling perlu disediakan dalam bentuk yang mudah dicapai serta bebas daripada stigma. Kebanyakan banduan menyatakan bahawa mereka hanya mula terbuka kepada sesi kaunseling apabila mendapati terdapat pegawai yang benar-benar mendengar tanpa menghukum atau mempersoalkan latar belakang kesalahan mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa penerimaan awal terhadap bantuan psikologi sangat bergantung kepada pengalaman interaksi yang positif dengan kaunselor. Dapatan ini selari dengan kajian Peart et al. (2026) yang menekankan bahawa hubungan saling percaya antara kakitangan profesional dan banduan merupakan asas penting dalam proses pemulihan emosi di penjara. Dalam konteks institusi penjara di Malaysia, unsur kepercayaan ini menjadi faktor utama yang mendorong banduan untuk mula melihat kaunseling sebagai ruang bantuan yang bermakna.

Perbincangan ini juga memperlihatkan bahawa hubungan terapeutik memainkan peranan penting dalam membentuk perubahan emosi dan pemikiran banduan. Peserta yang merasakan hubungan dengan kaunselor bersifat jujur, empati dan manusiawi menunjukkan perkembangan yang lebih positif dalam mengawal tekanan emosi serta desakan bunuh diri. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui teori interpersonal bunuh diri yang dikemukakan oleh Joiner (2005). Teori tersebut menjelaskan bahawa kecenderungan bunuh diri sering berkait dengan pengalaman rasa terputus dengan hubungan sosial semasa berada di dalam penjara. Apabila banduan merasakan wujudnya hubungan interpersonal yang menyokong melalui sesi kaunseling, rasa keterasingan tersebut dapat dikurangkan. Oleh itu, intervensi kaunseling yang menekankan pembinaan hubungan interpersonal yang empati berupaya menangkis perasaan terasing dan persepsi diri sebagai beban yang sering dialami oleh individu dalam situasi pemenjaraan.

Selanjutnya, tema kedua yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah perkhidmatan kaunseling yang terhad dalam konteks institusi penjara. Walaupun kaunseling berfungsi sebagai mekanisme pemulihan psikologi yang penting, keterbatasan akses kepada sesi kaunseling menyebabkan tidak semua banduan berpeluang menerima sokongan emosi secara konsisten. Walau bagaimanapun, banduan yang berjaya menghadiri sesi kaunseling menggambarkan pengalaman tersebut sebagai peluang untuk meluahkan perasaan yang telah lama dipendam. Sesi kaunseling memberi ruang kepada mereka untuk menilai semula pengalaman hidup serta memahami emosi yang sebelum ini tidak dapat diungkapkan. Penemuan ini selari dengan kajian Vanderloop (2025) yang menunjukkan bahawa proses refleksi sendiri dalam sesi kaunseling membantu klien membina semula kawalan terhadap emosi serta mengubah pola pemikiran negatif. Dari perspektif fenomenologi, pengalaman ini menjadi titik perubahan yang membolehkan banduan membina semula identiti diri serta menemui makna baharu dalam kehidupan mereka di penjara.

Tema terakhir yang muncul ialah stigma banduan terhadap kaunselor, yang pada peringkat awal menjadi penghalang kepada penggunaan perkhidmatan psikologi. Sebahagian peserta menyatakan bahawa mereka pada mulanya ragu untuk berkongsi masalah kerana bimbang dilabel sebagai lemah atau dianggap mempunyai masalah mental. Namun setelah menghadiri sesi kaunseling, persepsi tersebut berubah apabila mereka menyedari bahawa kaunseling menyediakan ruang untuk memahami diri dan merancang perubahan hidup. Ramai peserta menyatakan bahawa sesi tersebut mendorong mereka membina semula hubungan dengan keluarga serta menilai semula tujuan hidup selepas pembebasan. Sejajar dengan itu, persepsi negatif terhadap perkhidmatan kaunseling boleh menyebabkan seseorang individu enggan berkongsi masalah peribadi walaupun memerlukan bantuan psikologi (Karim et al., 2025).

Walaupun demikian, keberkesanan perkhidmatan kaunseling turut dipengaruhi oleh persekitaran institusi penjara (Ndindeng, 2025). Sebahagian banduan melaporkan bahawa keadaan fizikal penjara seperti kesesakan, suasana tegang di blok tahanan dan kekurangan ruang peribadi boleh menjejaskan keselesaan mereka semasa sesi kaunseling (Ricciardelli, 2025). Keadaan ini menunjukkan bahawa proses terapeutik tidak berlaku secara terasing, sebaliknya dipengaruhi oleh struktur organisasi dan persekitaran institusi. Oleh itu,

penambahbaikan terhadap kemudahan fizikal dan sokongan organisasi perlu diberi perhatian bagi memastikan intervensi psikososial dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, faktor struktur institusi seperti kekurangan kaunselor terlatih dan beban tugas yang tinggi turut memberi kesan kepada kesinambungan perkhidmatan kaunseling. Kajian Saputra dan Biafri (2025) mendapati bahawa nisbah kaunselor kepada banduan yang terlalu tinggi boleh menyebabkan kes berisiko tidak dikenal pasti atau tidak menerima intervensi tepat pada masanya. Penyediaan perkhidmatan kaunseling yang komprehensif dalam institusi penjara merupakan komponen penting dalam menjaga kesejahteraan fizikal dan mental banduan. Oleh yang demikian keperluan terhadap latihan khusus dalam pengurusan krisis, trauma dan pencegahan bunuh diri adalah sangat diperlukan dalam kalangan pegawai di penjara terutamanya kaunselor. Pelaburan dalam pembangunan kapasiti kaunselor penjara dilihat sebagai langkah penting bagi memastikan intervensi psikososial dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kaunseling berperanan penting dalam membina semula makna hidup dan harapan masa depan dalam kalangan banduan. Sebahagian peserta menyatakan bahawa sesi kaunseling membantu mereka menyedari nilai kehidupan serta tanggungjawab sosial selepas pembebasan. Penemuan ini menyokong dapatan McGowan dan Perrin (2026) yang menegaskan bahawa proses terapeutik dapat membantu individu membina semula makna eksistensial yang hilang akibat trauma dan pengalaman hidup yang sukar. Dalam konteks pemulihan banduan, pembinaan makna hidup ini menjadi asas penting kepada perubahan tingkah laku jangka panjang.

Selain aspek individu, kaunseling juga berfungsi sebagai platform sosial yang menggalakkan komunikasi positif dan sokongan rakan sebaya. Pengalaman berkongsi kisah hidup dalam kumpulan kecil membantu mengurangkan rasa terasing serta meningkatkan semangat kolektif dalam kalangan banduan. Kajian Rahman dan Equatora (2025) menunjukkan bahawa pendekatan psikoterapi kumpulan dapat meningkatkan empati serta solidariti sosial dalam kalangan peserta, sekali gus berpotensi mengurangkan risiko tingkah laku mencederakan diri dalam institusi tahanan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa pengalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling bukan sekadar proses terapeutik, tetapi merupakan perjalanan pemulihan identiti dan pembinaan semula harapan dalam hidup. Sesi kaunseling yang dijalankan secara empati akan membuka ruang kepada banduan untuk menilai semula makna kehidupan serta membina kekuatan dalaman yang baharu. Justeru, hasil kajian ini bukan sahaja memperkayakan wacana akademik mengenai isu bunuh diri dalam penjara, malah memberikan asas praktikal kepada pembuat dasar dalam memperkukuh sistem sokongan psikososial di institusi pemulihan di Malaysia.

Kesimpulan

Pengalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling di penjara Malaysia ini memperlihatkan proses psikologi yang mendalam dan bersifat transformatif. Sesi kaunseling berfungsi sebagai ruang selamat yang membolehkan banduan meluahkan tekanan emosi, menilai semula pengalaman hidup serta membina semula keyakinan diri selepas melalui krisis cubaan bunuh diri. Analisis fenomenologi menunjukkan bahawa interaksi terapeutik dengan kaunselor membantu peserta mentafsir semula makna penderitaan yang dialami serta membuka ruang kepada pembentukan harapan baharu terhadap masa depan. Dalam konteks ini, kaunseling bukan sekadar intervensi terapi, tetapi menjadi proses pemulihan emosi yang membebaskan banduan daripada rasa bersalah, keputusasaan dan tekanan psikologi yang mendalam.

Dapatan kajian turut menegaskan bahawa hubungan terapeutik memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan intervensi kaunseling. Kepercayaan, empati dan penerimaan yang ditunjukkan oleh kaunselor menjadi pemangkin utama kepada keterbukaan peserta untuk berkongsi pengalaman yang sukar serta membina komitmen terhadap proses pemulihan. Apabila banduan merasakan diri mereka dihargai sebagai manusia, motivasi untuk berubah dan memperbaiki kehidupan mula terbentuk. Penemuan ini selari dengan pandangan teori bahawa hubungan interpersonal yang positif dapat mengurangkan perasaan terasing yang sering dikaitkan dengan kecenderungan bunuh diri, sekali gus menegaskan kepentingan pendekatan kaunseling yang berasaskan nilai kemanusiaan dan empati.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling berfungsi sebagai mekanisme pencegahan yang penting dalam mengurangkan kecenderungan bunuh diri melalui proses penstrukturan semula pemikiran negatif serta peningkatan kesedaran sendiri. Melalui sesi kaunseling yang konsisten, banduan berpeluang membina kemahiran mengurus tekanan emosi dan mengembangkan perspektif hidup yang lebih konstruktif. Hal ini menunjukkan bahawa kaunseling bukan sahaja relevan dalam menangani krisis akut, malah berperanan sebagai strategi jangka panjang dalam meningkatkan kesejahteraan mental banduan.

Walau bagaimanapun, keberkesanan proses kaunseling juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran institusi penjara. Keadaan seperti kesesakan ruang, kekurangan ruang peribadi dan keterbatasan kemudahan boleh menjejaskan tahap keterbukaan banduan semasa sesi kaunseling. Oleh itu, usaha penambahbaikan terhadap infrastruktur dan sokongan institusi perlu diberi perhatian bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk proses pemulihan psikososial. Keadaan ini menunjukkan bahawa interaksi terapeutik antara kaunselor dan banduan tidak berlaku secara terasing, tetapi dipengaruhi oleh struktur organisasi dan persekitaran institusi yang lebih luas.

Dari sudut praktikal, kajian ini menekankan keperluan latihan khusus kepada kaunselor penjara dalam bidang pengurusan krisis, trauma dan pencegahan bunuh diri. Latihan yang berasaskan pengalaman kes sebenar dan pendekatan empati dapat meningkatkan kecekapan profesional dalam mengendalikan klien berisiko tinggi. Di samping itu, kerjasama antara Jabatan Penjara Malaysia, institusi kesihatan dan universiti perlu diperkukuh bagi membangunkan modul intervensi psikososial yang berasaskan bukti serta relevan dengan konteks tempatan.

Dari perspektif dasar, perkhidmatan kaunseling perlu diiktiraf sebagai komponen penting dalam sistem pemulihan penjara. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa intervensi psikososial memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong kesejahteraan mental banduan serta mengurangkan risiko kecederaan diri. Pendekatan pemulihan yang menyeimbangkan aspek keselamatan institusi dan kesejahteraan psikologi banduan berpotensi meningkatkan keberkesanan proses rehabilitasi serta peluang dalam integrasi sosial selepas pembebasan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif mengenai pengalaman banduan terhadap perkhidmatan kaunseling dalam konteks penjara Malaysia. Integrasi perspektif psikologi, sosial dan institusi membolehkan fenomena cubaan bunuh diri dalam penjara difahami secara lebih holistik. Penemuan kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada pembangunan sistem intervensi kaunseling yang lebih responsif, berasaskan bukti serta berteraskan nilai kemanusiaan dalam usaha memperkukuh kesejahteraan mental banduan dan menyokong proses pemulihan mereka dalam masyarakat.

Penghargaan: Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia kerana memberi kebenaran dan sokongan bagi menjalankan kajian ini. Terima kasih juga buat pegawai psikologi dan pegawai penjara yang komited dalam membantu semasa tempoh kerja kutipan data dilaksanakan. Pengkaji juga berterima kasih kepada semua peserta kajian yang secara sukarela meluangkan masa dan berkongsi pengalaman mereka dalam menghasilkan kajian ini.

Kenyatan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum diperolehi daripada semua peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Ababiel, M. W., Setyawan, J., & Elisabeth, M. P. (2025). Reconstructing positive self image among juvenile inmates through positive interactive counselling: A strength based approach to psychosocial rehabilitation. *Nusantara Journal of Behavioral and Social Science*, 4(4), 195–204.
- Dhlamini, S. Z., Mdakane, M., Nkambule, B., & Ngubane, S. A. (2025). Narratives of hope in hopelessness: Reasons for pursuing ODL mediated higher education among females serving life sentences in South

- African correctional centres. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(8), 602–629.
- Escobedo, D. R., & Wood, M. (2025). Dying to belong? The impact of thwarted belongingness among those who attempt suicide in jail. *The Guardianship Journal*, 1(2), 4.
- Geng, S., Shimojima, G., Yang, C. L., Sramek, Z., Norihama, S., Takano, A., ... & Yatani, K. (2025). When group spirit meets personal journeys: Exploring motivational dynamics and design opportunities in group therapy. *Proceedings of the ACM on Human Computer Interaction*, 9(2), 1–27.
- Giorgi, A., Giorgi, B., & Morley, J. (2017). The descriptive phenomenological psychological method. In C. Willig & W. Stainton Rogers (Eds.), *The SAGE handbook of qualitative research in psychology* (2nd ed., pp. 176–192). SAGE.
- Hamid, L. H., Subhi, N., & Suud, F. M. (2025). Pengalaman cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di penjara Malaysia: Satu tinjauan awal. *Akademika*, 95(3).
- Hussin, M., Bono, S. A., Jamaluddin, S., Suraya, S., Yee, L. M., & Woon, K. E. (2024). Challenges in implementing online based suicide prevention strategy for Malaysian adolescents from human ecological perspective. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*.
- Joiner, T. E. (2005). *Why people die by suicide*. Harvard University Press.
- Juliana, J. (2025). *Psychological experience of juvenile offenders in the correctional institutions in Indonesia* (Doctoral dissertation, University of Malaya, Malaysia).
- Karim, H. H., Abd Hamid, N. B., Jailani, M. A. M., & Syahmi, M. I. (2025). Faktor faktor penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor: Satu kajian konseptual. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 39(2), 45–60.
- Kazemi, M. S., Mahamid, F., & Hamamra, B. (2025). The lived experiences of women overcoming addiction and self harming behaviors. *Journal of Ethnicity in Substance Abuse*, 1–16.
- Khamis, J., Panirselvam, R. R., Badruddin, N. A., Ab Rahman, F. H., & Chan, L. F. (2022). Prosecuted for attempting suicide: A retrospective study in a Malaysian forensic psychiatric unit. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 31(2), 72–77.
- Langdrige, D. (2007). *Phenomenological psychology: Theory, research and method*. Pearson Education.
- Laverty, S. M. (2003). Hermeneutic phenomenology and phenomenology: A comparison of historical and methodological considerations. *International Journal of Qualitative Methods*, 2(3), 21–35.
- Lopez, K. A., & Willis, D. G. (2004). Descriptive versus interpretive phenomenology: Their contributions to nursing knowledge. *Qualitative Health Research*, 14(5), 726–735. <https://doi.org/10.1177/1049732304263638>
- Mahadhini, V. S. H. P., & Jaro'ah, S. (2025, November). Implementation of psychological and social assessment services for clients of the integrated narcotics assessment team at the National Narcotics Agency of East Java Province. In *International Conference on Psychology and Education (ICPE)* (Vol. 4, No. 1, pp. 1–8).
- McGowan, W., & Perrin, C. (2026). Giving up the hope for a better past: Making meaning of lost time. In *Existential selves: Freedom, chaos and the search for meaning* (pp. 99–119). Springer Nature Switzerland.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey Bass.
- Mohamad, M. S., Roshazad, N. A., & Kamaluddin, M. R. (2025). Hubungan tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri dengan tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. *Akademika*, 95(1), 184–199.
- Ndindeng, A. N. (2025). Mental health and well being in prisons and places of detention. *International Journal of Prison Health*, 21(3), 363–381.
- O'Connor, R. C., & Kirtley, O. J. (2018). The integrated motivational volitional model of suicidal behaviour. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*, 373(1754), Article 20170268. <https://doi.org/10.1098/rstb.2017.0268>
- Peart, S., Van Niekerk, L., & Norris, K. (2026). Staff and incarcerated individuals' attitudes toward men who sexually offend: Implications for prison social climate. *The Prison Journal*, 106(2), 182–203.

- Pérez Sales, P. (2026). Assessment of particular conditions within a torturing environment: Quick reference cards. In P. Pérez Sales, *Torturing environments* (pp. 173–234). Routledge.
- Rahman, A. P. A., & Equatora, M. A. (2025). The practice of group therapy for high risk prisoners as an effort to build self adjustment. *Journal of Management: Small and Medium Enterprises (SMEs)*, 18(1 May), 1233–1243.
- Ricciardelli, R. (2025). Optimizing health in correctional work: Evidence informed feasible upstream solutions. In *Scholarly reflections on core considerations for correctional practice* (p. 121).
- Saputra, M. J., & Biafri, V. S. (2025). Implementation of health services for prisoners with human immunodeficiency virus (HIV) in Class IIA Purwokerto correctional institution. *Journal of Management: Small and Medium Enterprises (SMEs)*, 18(1 May), 1177–1185.
- Schliehe, A., Laursen, J., & Crewe, B. (2022). Loneliness in prison. *European Journal of Criminology*, 19(6), 1595–1614. <https://doi.org/10.1177/14773708211036743>
- Scott, L. (2025). Empathy in personality disorder: Theoretical, research, and practical perspectives. In *Empathy in clinical psychiatry and mental health care: Clinical, conceptual, and scientific perspectives* (p. 143).
- Sharma, P., Singh, S., & Pal, A. (2025). Suicidal behavior among prisoners. In *Ecological and social determinants of suicidal behavior* (pp. 279–294). Springer Nature Singapore.
- Suhaeb, F. W., & Ernawati, S. (2025). Contribution of counseling in building clients ability to adapt to the community in correctional centers. *Journal of Social Science and Economics*, 2(3), 176–186. <https://doi.org/10.70188/0gc4zw48>
- Tim, M. K., & Shey, P. F. (2025). Effect of counselling therapy programmes on the rehabilitation of inmates in the Buea Central Prison. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*, 6, 893–901. <https://doi.org/10.54660/IJMRGE.2025.6.6.893-901>
- Udele, J., Pukat, L. S., & Samaila, T. R. (2025). Effect of empathy and unconditional positive regard counselling techniques on the self concept of juvenil delinquents in Nasarawa State. *Scholar J Science and Education*, 3(6).
- Vanderloop, S. K. (2025). *Professional counselors working with incarcerated individuals and their lived experiences of conscious and unconscious reactions toward clients* (Doctoral dissertation, University of the Cumberland).
- Vanhaesebrouck, A., Tostivint, A., Khireddine Medouni, I., Lefèvre, T., Melchior, M., Regnault, N., & Chan Chee, C. (2026). A national study of persons who died by suicide in French prisons over the period 2017 to 2021. *Archives of Suicide Research*, 1–22.
- World Health Organization. (2024). *Suicide worldwide in 2023*. World Health Organization.
- Zhang, Y., Zhou, M., Liang, R., Chen, J., Shi, P., Zheng, Y., ... & Li, T. (2025). Mental health literacy and the stigmatisation and discrimination of individuals affected by mental illnesses in China: A scoping review. *The Lancet Regional Health Western Pacific*.